

30 OCT 2003

Abdullah-Pemimpin

ABDULLAH MINTA SEMUA PEMIMPIN UMNO CONTOHI KEPIMPINAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta semua pemimpin parti di pelbagai peringkat supaya mencontohi kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berjiwa besar dan berani menghadapi segala cabaran demi kejayaan parti.

Beliau berkata Dr Mahathir ialah seorang pemimpin yang ternyata berjaya memimpin Umno.

"Dengan jiwa besarnya, dengan kewibawaannya hari ini beliau (Dr Mahathir) berjaya menyatupadukan semua golongan dalam Umno, menjadikan Umno satu parti yang maju, berdaya maju dan boleh berjaya di masa depan," katanya semasa berucap pada majlis berbuka puasa bersama presiden dan timbalan presiden Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Esok, Dr Mahathir akan bersara daripada jawatan Perdana Menteri dan presiden parti, selepas berkhidmat dalam kedua-dua jawatan itu selama 22 tahun.

Abdullah akan mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kelima di Istana Negara esok.

Abdullah berkata cara kepimpinan yang telah ditunjukkan oleh Dr Mahathir sepatutnya diteladani oleh semua.

"Bagi tiap-tiap ketua bahagian, ketua pemuda, wanita, puteri, dan semua ahli jawatankuasa ikutlah contoh ini.

"Semua mesti satupadukan semua golongan yang ada supaya tidak ada golongan yang terpercail, tidak ada golongan yang merasa mereka tidak diambil peduli, tidak ada golongan yang berbalah sesama sendiri.

"Yang pentingnya kita mahu Umno bersatu padu, jadi kuat, berdaya maju dan kita akan sama-sama mencapai kejayaan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri itu berkata beliau bagi pihak semua anggota Umno mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Dr Mahathir atas sumbangan dan jasanya yang begitu besar terhadap Umno dan khususnya bangsa Melayu serta membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju.

Walaupun semua pihak berasa sedih kerana Dr Mahathir akan bersara daripada semua jawatannya, tetapi anggota Umno gembira dengan kesediaan Perdana Menteri untuk terus membantu dan menyokong Umno.

Abdullah berkata peranan Dr Mahathir untuk membantu parti walaupun sebagai anggota biasa akan dapat membantu Umno untuk mencatat kejayaan.

Katanya sumbangan Dr Mahathir yang telah menunjukkan kepimpinan melalui teladan dapat mengukuhkan parti.

Semasa mesyuarat Majlis Tertinggi petang ini, Dr Mahathir telah menerangkan mengenai pendekatan yang telah diambil oleh parti supaya Umno akan mencatat kejayaan yang lebih besar pada masa depan.

Di samping itu juga Dr Mahathir turut menekankan bahawa perpaduan amat penting terutamanya dalam Barisan Nasional (BN) yang dianggotai oleh 14 parti komponen agar ia dapat terus berjuang untuk negara dan rakyat, katanya.

Beliau berkata Dr Mahathir turut menerangkan mengenai isu-isu yang perlu dihadapi dengan bersungguh-sungguh dan meminta semua parti komponen BN berpakat dan bekerjasama agar lebih berjaya.

Katanya, beliau telah membuat kenyataan bagi pihak MT dan anggota Umno bahawa mereka semua amat menghargai kepimpinan Dr Mahathir terhadap Umno dan negara.

"Kita menghargai jasanya yang begitu besar, pengorbanan yang begitu

besar dan sumbangan yang begitu istimewa sehingga menjadikan Malaysia terkenal di seluruh dunia dan maju," katanya.

Sementara itu Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata satu majlis rasmi akan diadakan selepas bulan puasa bagi mengucapkan terima kasih secara rasmi kepada Dr Mahathir atas segala jasa dan sumbangannya.

"Bukan sahaja seluruh negara merasa terharu dan kerugian (dengan persaraan Dr Mahathir) tetapi kita tahu bahawa ini satu takdir dan kita tahu Dr Mahathir telah mencurahkan segala usaha dan tenaga beliau untuk memajukan negara," katanya.

Ribuan anggota Umno dari seluruh 165 bahagian menghadiri majlis berbuka puasa itu. Mereka kemudian bersolat Maghrib serta solat Isyak dan Tarawih.

Yang turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali serta anggota-anggota Parlimen dan anggota parti komponen BN termasuk yang bukan beragama Islam.

-- BERNAMA

HS AZZ PR